
ANALISIS KRITIKAL *THRILLER* DALAM NOVEL *AKU LELAKIMU* (2017)

Nur Nabila Zulkhairi
Universiti Teknologi MARA
2020608154@student.uitm.edu.my

Izra Inna Md Idris
Universiti Teknologi MARA
izrainna@uitm.edu.my

Siti Normala Hamzah
Universiti Teknologi MARA
normalahamzah@uitm.edu.my

ABSTRACT

CRITICAL ANALYSIS OF THRILLER IN THE NOVEL *AKU LELAKIMU* (2017)

Critical Analysis of Thriller in the Novel *Aku Lelakimu* (2017) by Sara Aisha highlights ideas related to the thriller elements in novel based on point of view in Todorov's narrative theory. This covers important findings in writing thriller novels by explaining the narrative structure. This study conducts an analysis based on the development of the storyline of the three main characters in the novel, namely Tihani Rose, Alexander Aryan, and Rafael Lee. There are important findings in terms of improving the genre of thriller novel such as using words that show surprise, thrill, and suspense to the reader. Therefore, thriller elements need to be included in writing such as threat, the involvement of dynamic characters, the location that brings the reader's mind back to the murder place, thrilling action, and plot twist. The findings of the study show their significance created through the data the collection of selected data, especially in helping the researcher understand the focus of the study.

Keywords: *Critical analysis, thriller, Todorov's narrative theory, narrative structure, novel.*

PENGENALAN

Novel adalah teks yang mengandungi unsur penceritaan yang dibangunkan oleh konteks. Tanpa adanya konteks sebuah wacana itu menjadi hambar kerana konteks wacana berperanan menghidupkan cerita. Konteks digunakan untuk memahami suatu cerita dan menentukan makna ujaran sehingga dapat mentafsirkan situasi atau lingkup bahasa pada wacana. *Thriller* (atau seram) secara dasarnya bermaksud satu genre fiksi yang sangat diminati oleh lapisan masyarakat sama ada berbentuk visual mahupun penulisan. *Thriller* mempunyai ciri plot

yang membolehkan pembaca atau penonton merasai kejutan demi kejutan bermula daripada permulaan, perkembangan sehingga akhir konflik. Menurut Nazirah *et al.* (2020) novel *thriller* ialah sebuah fiksiyen yang wujud dalam pelbagai jenis novel jenayah dan penyiasatan. Novel berunsur *thriller* adalah fiksiyen yang mengandungi unsur sukar, kebijaksanaan, tetapi pada dasarnya melibatkan situasi, iaitu watak hero berhadapan penjahat yang bertekad untuk memusnahkan mereka, negara mereka atau kestabilan dunia bebas. Novel *thriller* adalah sebuah karya yang penuh emosi cemas dan tegang.

A Malay thriller novel should have several aspects like mystery, suspense, and fast pacing storyline. First, mystery is like a magnet to attract the readers to find out what will happen next. The writer create incident such as killings, kidnappings, robberies and others. Second, suspense the writer create curiosity that cause the reader until the last chapter to answer their question. Last, fast pacing storyline is story technique must be fast and the wording must not be toolong to read but full with content.

(Muhammad Nazri, 2014: 61)

Novel *thriller* Melayu mempunyai aspek misteri sebagai tarikan pembaca, saspens sebagai mencipta perasaan ingin rasa yang tinggi sehingga pembaca pembaca perlu membaca hingga tamat serta jalan cerita yang laju dan tepat dalam penyusunan plot cerita. Berdasarkan penjelasan maksud novel *thriller* tersebut, novel bertajuk *Aku Lelakimu* (2017) karya Sara Aisha merupakan sebuah teks *thriller* terbaik.

Hujahan kajian ini memfokuskan elemen *thriller* yang menguatkan penyusunan jalan cerita novel *Aku Lelakimu* (2017) karya Sara Aisha. Oleh itu, kajian ini akan menganalisis elemen *thriller* dalam novel *Aku Lelakimu* (2017) karya Sara Aisha.

ULASAN KAJIAN LEPAS

Ciri-ciri Novel *Thriller*

Menurut kajian Mohd Nazri (2014) yang meneliti perbezaan ciri-ciri novel *thriller* dari Barat (karya Sidney Sheldon) dan Timur (karya Ramlee Awang Murshid), tipikal novel *thriller* barat daripada penulis terkenal oleh Sidney Sheldon mempunyai jalan cerita yang pantas, meningkatkan emosi dan reaksi pembaca serta membina tekanan dalam jalan cerita seperti kejadian di luar jangkaan oleh pembaca. Novel *thriller* timur daripada penulis terkenal dari Malaysia, Ramlee Awang Murshid pula mempunyai unsur misteri, saspens dan jalan cerita yang bergerak pantas mengikut kejadian babak. Ini menunjukkan elemen yang digunakan oleh penulis bagi menghasilkan novel bergenre *thriller* bergantung pada gaya penulisan penulis itu sendiri.

Artikel daripada laman web MasterClass bertajuk *Mystery, Thriller, and Crime Novels: What's the Difference?* (2021) menerangkan perbezaan antara novel misteri, *thriller* dan jenayah. Novel misteri mementingkan persoalan yang berlaku dan melibatkan jenayah serta penceritaan lebih tertumpu pada menyelesaikan sesuatu kes yang tergantung dan tiada penamat. Elemen penting melibatkan pembunuhan, penjenayah yang tidak diketahui sehinggalah didedahkan pada pengakhiran cerita. Watak utama memegang watak detektif yang mempunyai kuasa untuk menyelesaikan masalah namun pelbagai cabaran, mempunyai banyak lapisan jalan cerita yang disertakan dengan pelbagai *plot twist*, contohnya menjejaki

suspek yang mempunyai pelbagai perwatakan dan mempunyai motif tersendiri serta penangkapan penjenayah untuk menyelesaikan kes. Fiksyen misteri ialah prosedur polis dalam penyiasatan, penceritaan kesungguhan detektif menggali kebenaran dan mengandungi unsur-unsur forensik dan perubatan, teknikal teknologi, ujian DNA, penekanan peranan sains dalam penyelesaian jenayah dalam misteri saintifik. Selain itu, novel *thriller* menumpukan kepada saspens dan ngeri.

Penulisan novel *thriller* pula akan menimbulkan watak antagonis pada permulaan cerita dan protagonis perlu menghentikan rancangan jahat oleh watak antagonis. Dalam media seperti novel, filem mahupun drama televisyen, subgenre *thriller* juga mempunyai kepelbagaian tersendiri, iaitu *thriller* seram yang menumpukan elemen ghaib seperti raksasa, makhluk asing, dan roh jahat. *Legal thriller* (*thriller* undang-undang) pula berfokuskan sistem mahkamah, *thriller* psikologi serta *thriller* epik.

Novel jenayah pula menekankan unsur penjenayah perlu dikenakan tindakan undang-undang, tentera dan keputusan muka pengadilan. Novel jenayah yang terbaik mempunyai skop tema baik lawan jahat dan tanggungjawab bahawa perbuatan salah mesti dibalas. Oleh sebab itu, terdapat beberapa subgenre dalam novel jenayah seperti ketenteraan dan jenayah sebenar diambil melalui panduan sejarah kejadian sebenar lalu diceritakan dalam bentuk novel jenayah. Hal ini menunjukkan artikel dari MasterClass, *Mystery, Thriller, and Crime Novels: What's the Difference?* mempunyai kekuatan tersendiri dalam menyampaikan ilmu pengetahuan dan rujukan kepada penulis ketika kebuntuan dalam mencari idea dalam novel bergenre seperti ini kerana artikel ini juga menyelitikan elemen penting untuk menetapkan genre novel.

Novel Thriller yang Berunsurkan Islam

Menurut Rosli, Abdul Halim, Ghazali dan Miftachul (2021), penulisan *thriller* yang berunsurkan Islam dalam sastera memerlukan nilai kebenaran dan menggali pengetahuan dari segi agama, kemampuan untuk mentafsirkan pengetahuan serta kebolehan untuk menulis dengan kreatif sastera tersebut serta penceritaan yang dihasilkan perlu berdasarkan cerita benar, hasil rujukan al-Quran, hadis, kisah para nabi dan hasil kajian lepas oleh para ilmuwan. Ciri-ciri *thriller* menurut pandangan Islam yang dibuktikan oleh pengkaji ialah terdapat enam ciri, iaitu *A'tifi* (emosi), *Sadma* (kejutan), *Khilaf* (kekeliruan), *Khawf* (rasa takut), *Aiftirad* (syak wasangka) dan *Khatar* (bahaya). Setiap enam ciri berikut telah dibuktikan oleh pengkaji melalui petikan dan dialog daripada novel *Ayat-Ayat Cinta* (2003).

Dengan merujuk pada *Bidadari Bermata Bening* karya Habiburrahman El-Shirazya, Rosli, Abdul Halim dan Ghazali (2021) menunjukkan kesedaran agama berdasarkan konsep *thriller* Trish Macdonald Skilman (2000) yang mengemukakan unsur *thriller* emosi, kejutan, keliru, takut, sangkaan dan bahaya. ke arah menyempurnakan tanggungjawab kesusasteraan yang sempurna sebagai penulis novel. Keenam-enam elemen tersebut dikaitkan dalam novel *Bidadari Bermata Bening* (2017) karya Habiburrahman El-Shirazy untuk mencari elemen *thriller* yang berunsurkan Islam. Ini membuktikan bahawa *thriller* yang berunsurkan Islam mempunyai kekuatannya yang tersendiri untuk menampilkan kelainan dalam menghasilkan novel *thriller* mahupun novel bergenre lain. Secara dasarnya, kajian ini memudahkan pembaca untuk memahami tujuan *thriller* yang ingin disampaikan dalam novel tersebut.

Novel Thriller dan Karya Ramlee Awang Murshid

Karya *thriller* Ramlee Awang Murshid sentiasa mendapat perhatian pembaca dan ada yang diadaptasi ke filem. Namun, bagi Hani Salwah Yaakup (2018), perbezaan daripada kedua-dua medium ini menyebabkan kekeliruan, kecelaruan pemahaman kepada penonton apabila perkara yang hendak diperkatakan oleh teks asal tidak berjaya sampai kepada penonton. Ini boleh dilihat oada bahagian adat dan kepercayaan masyarakat Kadazan-Dusun yang tidak dijelaskan dengan baik seperti dalam novel *Tombiruo: Penunggu Rimba* (1998). Apabila berlaku ketidaktepatan antara novel dan filem, ini menyebabkan filem ini tidak diterima-baik oleh masyarakat.

Nazirah Ismail, Muhammad Alif Redzuan Abdullah, Normaliza Abdul Rahim dan Kamariah Kamarudin (2021) pula membincangkan elemen latar yang terdapat dalam novel *thriller Legasi Tombiruo* (2020). Terdapat tiga latar yang diterangkan dalam jurnal tersebut dan setiap latar tersebut berbeza. Penulis menyatakan latar tempat merupakan lokasi atau tempat berlakunya sesuatu perkara. Latar masa pula boleh dianalisis dengan memberi huraian masa berlakunya perkara tersebut manakala latar masyarakat pula berkaitan dengan individu atau kumpulan masyarakat yang terlibat dalam perkara yang diceritakan. Berdasarkan pengertian latar tersebut, pengkaji menjelaskan setiap latar masa, tempat dan masyarakat yang berlaku dalam novel *Legasi Tombiruo* (2020). Pengkaji menekan keadaan latar dalam novel tersebut seperti latar tempat melalui petikan seperti lokasi Kuala Lumpur, lokasi misteri, tempat awam, suasana dalam hutan dan sebagainya. Selain itu, latar masa dikenal pasti melalui jam dan perkataan sebelum dan selepas. Terakhir ialah latar masyarakat yang melibatkan sikap watak yang diciptakan oleh penulis. Pengkaji memilih beberapa latar masyarakat dalam novel tersebut antaranya masyarakat yang bersandarkan pegangan kepercayaan, agama, masyarakat yang majmuk, masyarakat yang ada kepercayaan tahayul, dan banyak lagi. Ini membuktikan setiap latar mempunyai peranan sendiri dalam penghasilan novel *thriller*. Latar tempat memberi ingatan kepada pembaca berdasarkan cara penyampaian penulis menghuraikan keadaan tempat tersebut terutama novel bergenre *thriller*. Hal ini menunjukkan pengkaji menganalisis bahagian latar dalam novel yang dipilih untuk melihat cara penulis novel Ramlee Awang Murshid menjelaskan setiap latar tempat yang wujud dalam novel tersebut.

Naratif dan Teori Tzvetan Todorov

Dalam jurnal yang bertajuk *Ruang, Masa dan Sebab Akibat dalam Naratif Filem Animasi Geng Pengembaraan Bermula* oleh penulis Fatimah Muhd Shukri dan Nur Afifah Vanitha Abdullah memfokuskan teori Aristotle, iaitu permulaan, pertengahan dan penamat serta elemen naratif Edward Branigan, iaitu ruang, masa dan sebab akibat dalam *Geng Pengembaraan Bermula* (2009). Pengkaji menjelaskan filem animasi ini dengan memperkenalkan babak di permulaan, pertengahan dan penamat cerita dan dikaitkan dengan elemen ruang, masa dan sebab akibat. Elemen ruang bermaksud seperti penelitian latar tempat setiap minit tayangan berlaku. Elemen masa pula setiap babak dalam berita akan ditentukan waktu sama ada pagi atau malam berdasarkan babak. Hal ini menunjukkan pengkaji memberi kaitan antara dua elemen tersebut. Akhir sekali ialah elemen sebab akibat yang bermaksud setiap kejadian yang berlaku di setiap babak memberi akibat yang tertentu yang membawa cerita sehingga ke penamat. Perkara ini juga melibatkan perkaitan antara ketiga-tiga elemen, iaitu ruang, masa dan sebab akibat. Kajian itu menunjukkan cara pengkaji menganalisis ketiga-tiga elemen ruang, masa, dan sebab akibat berdasarkan setiap babak, perkembangan plot dan perkembangan watak melalui filem pilihan pengkaji.

Kajian Yoseph Yapi Taum pula memfokuskan *Panji Story* yang terdiri daripada *Hikayat Panji Semirang*, *Hikayat Panji Anggraeni*, *Keong Emas*, *Dongeng Ande Ande Lumut* dan *The Panji story in the Temple's reliefs*. Setiap teks yang disenaraikan oleh pengkaji ini dianalisis menggunakan naratologi oleh Tzvetan Todorov. Struktur jalan cerita daripada Todorov terdiri daripada keseimbangan (*equilibrium*), gangguan (*disruption*), kesedaran (*realisation*), pembaikan (*repair*) dan pengembalian (*restoration*). Setiap babak dalam cerita yang dianalisis akan dikaitkan dengan naratologi oleh Tzvetan Todorov untuk memudahkan proses analisis yang dilakukan oleh pengkaji. Oleh itu, pengkaji menentukan setiap peringkat dalam cerita yang dipilih mengikut struktur naratif. Daripada kajian itu, pengkaji dapat menentukan dengan baik setiap peringkat jalan cerita. Kajian ini menunjukkan penggunaan teori daripada Todorov mampu digunakan untuk kajian menentukan naratif dalam sebuah cerita. Oleh itu, jurnal ini mempunyai kaitan dengan kajian yang dilakukan, iaitu untuk memerhati naratif dalam novel yang dipilih melalui plot dan menggunakan teori Todorov sebagai menganalisis jalan cerita

KONTEKS DAN LATAR BELAKANG KAJIAN

Novel *Aku Lelakimu* (2017) karya Sara Aisha diterbitkan Penerbitan Karya Seni Sdn Bhd di Seri Kembangan, Selangor. Penulis novel Siti Sarah Aishah binti Mohd Azkah berasal dari Kelantan dan terkenal dengan nama pena Sara Aisha. Sara Aisha pernah memenangi Anugerah Buku Negara pada tahun 2018 dalam kategori buku terbaik menerusi novel *Aku Lelakimu* (2017). Sehingga kini, penulis Sara Aisha masih bergiat aktif dalam bidang penulisan novel berbentuk *thriller* sehingga dikenali sebagai *Malaysia's Thriller Queen*.

Novel *Aku Lelakimu* (2017) mengisahkan seorang perempuan bernama Tihani Rose bekerja sebagai wartawan jenayah. Tihani Rose sangat komited terhadap tugasnya untuk mendapatkan maklumat berkenaan satu pembunuhan misteri yang melibatkan pada tiga remaja perempuan berumur 17 tahun. Pembunuhan ngeri dilakukan dengan cara mencekik leher, mengorek biji mata, memotong rambut sehingga pendek dan menyarungkan gaun putih. Melalui cara pembunuhan itu, pihak penyiasatan membuktikan bahawa si pelaku itu adalah orang yang sama yang membunuh ketiga-tiga remaja tersebut, iaitu White Killer. Namun, tanpa disangka Tihani Rose terperangkap dalam permainan White Killer yang cuba untuk menjadikan dia sebagai mangsa seperti remaja berumur 17 tahun tersebut. Pelbagai gangguan perasaan dihadapi oleh Tihani Rose. Namun nasib menyebelahi Tihani Rose apabila kehadiran seorang penulis novel jenayah, Alexander Aryan membuatkan Tihani Rose berani berhadapan dengan White Killer. Alexander Aryan menyiasat perihal White Killer yang dianggap sebagai psikopat yang selalu mengganggu kehidupan Tihani Rose sehingga terbongkar sebab dan punca Tihani dan tiga remaja berumur 17 tahun itu dijadikan mangsa oleh psikopat tersebut.

Dalam pembentukan sebuah novel *thriller*, kewujudan beberapa jalan cerita yang membuatkan pembaca sukar menyambung babak kerana kelihatan rawak dan tidak relevan (Muhammad Naufal, 2018). Perkara tersebut mengganggu fokus pembaca terhadap jalan cerita. Jika terdapat satu babak dimasukkan dalam cerita namun tiada impak kepada jalan cerita, hal itu juga mengganggu perhatian pembaca. Penulisan novel *thriller* perlu padat dengan babak cerita yang menuju kepada tujuan penyampaian cerita. Sebab itu, penulis meneliti setiap elemen *thriller* untuk dimasukkan dalam jalan cerita sama ada sesuai atau tidak dalam peringkat plot cerita.


Novel *thriller* juga agak berat untuk diproses oleh pembaca kerana memerlukan pemerhatian yang tinggi. Setiap novel *thriller* mempunyai cara tersendiri untuk memulakan jalan cerita. Sara Aisha memulakan cerita dengan pengenalan tempat-tempat ngeri untuk menggambarkan cerita ini dalam keadaan berbahaya dan memperkenalkan watak penting yang menggerakkan plot cerita. Oleh itu, babak dalam cerita *thriller* penting untuk memberitahu pembaca mengapa babak tersebut berlaku dan sebab babak itu berlaku.

Sebuah novel *thriller* tidak sama seperti novel romantik kerana novel *thriller* memerlukan penguasaan yang tinggi dalam menampilkan unsur *thriller* melalui babak yang disampaikan. Hal ini memainkan peranan penting oleh penulis. Setiap babak perlu relevan, nampak kukuh, dan realistik sebelum diletakkan dalam jalan cerita. Selain itu, elemen *thriller* perlu ditampilkan bagi membuktikan novel *thriller*. Semakin banyak unsur *thriller* dalam jalan cerita, semakin ramai pembaca tertarik akan genre *thriller*. Oleh sebab itu, novel *thriller* bukan novel biasa tapi luar biasa untuk menarik perhatian pembaca. Justeru itu, topik kajian ini dapat memberi ilmu pengetahuan dan penjelasan untuk menampilkan elemen *thriller* dalam sesebuah novel *thriller*. Hal demikian kerana kajian ini untuk memberi ilmu pengetahuan terutama kepada pembaca yang berminat akan genre *thriller*. Kajian yang akan dilakukan ini dapat menambahkan dokumentasi kajian yang berkaitan novel *thriller* dengan lebih luas.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif manakala instrumen kajian ialah novel bercetak yang bertajuk *Aku Lelakimu* (2017) oleh Sara Aisha. Novel ini dipilih sebagai teks kajian kerana novel ini menunjukkan gambaran penceritaan novel bergenre *thriller* yang mempunyai unsur suspens, aksi ngeri dan mainan emosi oleh watak utama di samping memperkenalkan elemen *thriller* kepada pembaca. Novel ini dianalisis dari aspek penggunaan kata dan ayat untuk mengenal pasti elemen *thriller* dan naratif dalam novel tersebut. Tumpuan novel ini memfokuskan kepada babak pembunuhan, babak pertarungan, ciri luaran dalaman seorang psikopat, pergelutan emosi oleh watak dan sebagainya. Melalui jalan cerita, analisis memfokuskan kepada tiga watak penting, iaitu Tihani Rose, Alexander Aryan dan Rafael Lee dan membuktikan elemen *thriller* dalam novel ini.

Teori yang digunakan untuk menganalisis novel *thriller* ini ialah teori naratif oleh Tzvetan Todorov (1960). Hal ini merujuk pada objektif, iaitu kajian ini menentukan elemen *thriller* berdasarkan jalan cerita novel *Aku Lelakimu* (2017) karya Sara Aisha. Kajian ini memilih teori naratif Tzvetan Todorov sebagai asas kajian dalam menentukan jalan cerita bermula daripada permulaan sehingga peleraian. Terdapat lima peringkat teori naratif Todorov yang mempunyai fungsinya tersendiri. Pertama, "keseimbangan" ialah situasi yang wujud pada tahap permulaan. Permulaan cerita yang baik menjelaskan kestabilan cerita tanpa masalah. Kedua, "gangguan" ialah perkaitan antara permulaan dan pertengahan cerita. Ini menunjukkan kesinambungan tahap pertama dan kedua. Ketiga, "pengiktirafan gangguan" ialah apabila watak utama menyedari gangguan dan masalah yang dihadapinya. Keempat, "percubaan membaiki gangguan" ialah watak utama menyelesaikan masalah yang dihadapi. Akhir sekali "keseimbangan baru" ialah masalah yang dihadapi dapat diselesaikan dan watak kembali kepada keseimbangan seperti sedia kala (The Media Insider, 2019). Penggunaan teori naratif ini melihat kepada penyusunan jalan cerita yang menarik dan teori yang sesuai dijadikan rujukan dalam menganalisis elemen *thriller*.



Rajah 1. Teori Naratif oleh Tzvetan Todorov (1960) yang digunakan dalam menentukan elemen *thriller* dalam novel *Aku Lelakimu* (2017)

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Analisis kajian, iaitu menganalisis elemen *thriller* berdasarkan jalan cerita novel *Aku Lelakimu* (2017) karya Sara Aisha. Jalan cerita dalam novel dan elemen *thriller* yang terdapat dalam setiap peringkat perkembangan cerita tersebut dijelaskan. Antara elemen *thriller* yang dinyatakan ialah watak-watak yang dinamik, ancaman yang jelas, lokasi yang diingati, aksi dan *plot twists*. Menurut Fatimah dan Nur Afifah (2016), naratif atau jalan cerita terbahagi kepada naratif *linear* dan *non-linear*. Naratif *linear* merupakan naratif yang disusun mengikut aturan kronologi, iaitu berdasarkan masa manakala naratif *non-linear* pula tidak tersusun mengikut urutan masa. Walaupun cerita yang dihasilkan sama ada dalam bentuk filem, novel, cerpen, komik, puisi, muzik, cerita rakyat dan dongeng memerlukan naratif untuk menyampaikan cerita.

Teori naratif Tzvetan Todorov telah digunakan dalam melihat jalan cerita novel *Aku Lelakimu* (2017). Tzvetan Todorov seorang ahli teori sastera, ahli sejarah, ahli falsafah, dan penulis esei. Teori naratif yang telah dihasilkan oleh beliau banyak digunakan oleh pengkaji untuk analisis penceritaan sama ada filem dan novel. Teori naratif Todorov berkenaan perjalanan sebuah cerita. Teori ini menjelaskan dengan baik keteraturan dan susunan dalam menentukan perjalanan cerita bermula daripada permulaan sehingga peleraian. Berdasarkan teori naratif oleh Todorov di atas membuktikan cara penulis menyusun jalan cerita dalam novel *Aku Lelakimu* (2017) mengikut struktur naratif. Namun, analisis kajian ini tidak menekan babak dan peristiwa yang tidak berkenaan seperti pekerjaan wartawan, penyiasatan polis, penerangan watak yang mempunyai ciri-ciri psikopat dan sosiopat serta penjelasan tempat tertentu di New York yang mewujudkan elemen romantik watak utama. Kajian ini memfokuskan kepada perkembangan dan jalan cerita tiga watak utama dalam novel tersebut. Hal ini untuk memberi pencerahan hala tuju kepada kajian jalan cerita utama dalam novel *Aku Lelakimu* (2017).

Jadual 1. Huraian novel *Aku Lelakimu* (2017) dalam lima peringkat teori naratif Todorov.

Keseimbangan (Equilibrium)	<p>Bermula dengan pengenalan 3 watak utama. Tihani Rose, seorang wartawan jenayah yang sedang menulislaporan kes pembunuhan dua gadis berumur 17 tahun. Alexander Aryan, seorang penulis novel jenayah sebenar di luar negara yang popular. Rafael Lee, seorang yang hidup dalam dunianya tetapi akibat dia terdengar panggilan nama Tihani Rose dalam sekumpulan manusia di KLIA, dia berubah. Nama orang yang sudah lama diacari dan akhirnya ditemui. Dia teruja kerana terfikir misinya dahulu akan dilunaskan tidak lama lagi.</p>
Gangguan (Disruption)	<p>Tihani Rose mendapat panggilan daripada seseorang yang menyuruhnya datang ke sebuah tempat. Di situ, Tihani terdapat seorang budak perempuan mati. Mangsa ketiga. Budak perempuan itu mempunyai kaitan dengan laporan berita yang ditulis. Panggilan tersebut adalah perangkap daripada pembunuh yang cuba membunuhnya. Tihani bertarung dengan pembunuh itu. Alexander Aryan tiba-tiba datang ke tempat tersebut. Dia menolong Tihani dalam pertarungan itu. Alex pernah jumpa Tihani yang merupakan peminat novel jenayahnya. Rafael Lee teruja akan pertarungan dia dengan Tihani. Oleh sebab itu dia menyasarkan Tihani kerana Tihani bukan mangsa yang lemah dan mampu memberi cabaran kepadanya. Dia sememangnya sukakan cabaran.</p>
Pengiktirafan gangguan (Recognition of disruption)	<p>Kejadian Tihani Rose mendapat hadiah misteri bebola mata manusia, iaitu mangsa keempat membuktikan pembunuh bersiri menyasarkan sebagai mangsa seterusnya. Rafael Lee mengacau hidup dan memanipulasi perasaan Tihani menggunakan beberapa cara: - Membuat Tihani rasa bersalah kerana Tihani merupakan punca empat budak perempuan mati. Tihani ialah sasaran utama Rafael Lee. Sebelum dia membunuh Tihani, dia belajar cara membunuh dengan sempurna dengan menculik budak perempuan dan membunuh mereka sebagai eksperimen. Hantar mesej kepada Tihani dan menyuruh Tihani menyelamatkan mangsa merupakan <i>prank</i> dan pada masa yang sama dua ekor kucing kesayangan Tihani mati kerana dibunuh olehnya. Dia mengaku kepada Tihani bahawa dia yang membunuh kakak Tihani, Eireen Rose pada 12 tahun lepas. Dia juga memberitahu Tihani bahawa Tihani ialah sasaran utama dalam pembunuhan itu. Alexander Aryan memberi semangat kepada Tihani supaya kuat menghadapi gangguan daripada Rafael.</p>
Percubaan baiki gangguan (Attempt to repair the disruption)	<p>Tihani Rose diculik oleh Rafael semasa dia berada di New York. Rafael Lee mengaku dia jadi pembunuh disebabkan <i>stressor</i> daripada ibu angkatnya. Pertemuan kali kedua tanpa sengaja dengan Tihani membuatkan dia mula gila untuk membunuh dan mahu melunaskan keinginannya yang tersalah membunuh orang lain. Dia mahu menculik Tihani tapi tersalah culik kakak Tihani, Eireen. Alexander Aryan datang menyelamatkan Tihani daripada Rafael.</p>

Keseimbangan baru (New equilibrium)	Rafael Lee ditembak oleh pihak polis semasa dia cuba membunuh Tihani. Hasil penyiasatan, dia menggunakan pelbagaicara untuk menyamar untuk menculik budak perempuan dan mengaburi mata pihak polis. Alexander Aryan dan Tihani Rose berkahwin.
-------------------------------------	--

Peringkat pertama ialah keseimbangan (*equilibrium*). Dalam peringkat ini berlaku watak-watak menjalani kehidupan seperti biasa mengikut peranan yang diberikan oleh penulis (M. Keanu Adepati & Samanik, 2018). Ini bermaksud pengenalan kepada penceritaan dan kehidupan setiap watak yang dimainkan. Setiap watak mempunyai peranan masing-masing dan membawa setiap sisi jalan cerita. Seperti yang dikemukakan dalam jadual 1, bahagian keseimbangan penulis menyampaikan perihal watak-watak utama dalam cerita yang akan dimainkan sehingga tamat. Hal ini membuktikan penulis menerangkan terlebih dahulu nama-nama watak yang perlu difokuskan oleh pembaca dan peranan watak-watak yang dimainkan malahan berkait dengan konflik yang akan berlaku. Oleh sebab itu, dalam dua bab pertama novel *Aku Lelakimu* (2017) hanya berfokuskan kepada tiga watak. Bermula dengan dua watak utama, iaitu Tihani Rose sebagai wartawan jenayah dan Alexander Aryan sebagai penulis novel jenayah. Watak antagonis Rafael Lee yang telah dijelaskan kepada pembaca sebagai penjenayah culik kepada Tihani Rose.

Elemen *thriller* pada peringkat pertama ialah watak dinamik. Berdasarkan *Masterclass Staff* (2021) watak dinamik ialah watak utama yang menggerakkan jalan cerita bermula pengenalan sehingga peleraian. Watak dinamik berkembang dan berubah dari segi aksi, emosi dan fikiran. Watak dinamik berlawanan dengan watak statik yang tidak perubahan dari mula sampai akhir cerita. Saya beranggapan bahawa penulis bertanggungjawab untuk meletakkan personaliti setiap watak yang dicipta sebagai penggerak kepada penceritaan. Perwatakan juga memainkan peranan penting seperti berani, pendiam, licik, bijaksana dan sebagainya untuk memberi corak kepada watak. Apabila setiap watak yang mempunyai perwatakan berbeza, sebuah cerita boleh dicipta. Dalam novel *Aku Lelakimu* (2017), penampilan tiga watak utama seperti Tihani Rose, Alexander Aryan dan Rafael Lee. Ketiga-tiga watak ini mempunyai peranannya tersendiri dalam novel ini.

Pertama, watak Tihani Rose, iaitu watak utama diperkenalkan kepada pembaca sebagai seorang wartawan jenayah. Watak utama ialah watak yang menjadi tumpuan kepada pembaca sejak bermula bab pertama sampai bab terakhir. Pembaca ingin mengetahui pengakhiran watak tersebut sama ada baik atau buruk. Dalam novel *Aku Lelakimu* (2017), pengenalan watak Tihani Rose sebagai seorang wartawan jenayah ialah satu permulaan kehidupan barunya. Tihani Rose yang komited terhadap kerjayanya telah menyebabkan dia memasuki satu permainan ngeri daripada seorang psikopat yang mahu membunuhnya. Panggilan daripada seseorang yang misteri berkenaan pemberitahuan maklumat satu pembunuhan yang sedang ditulis olehnya ialah satu perangkap yang dirancang oleh seorang psikopat untuk membunuhnya.

"Aku tengah siapkan *report* pasal Tiffany Lau."

Tiffany Lau.

Remaja berketurunan Tionghua. Berusia tujuh belas tahun. Dibunuh dua minggu lalu. Cara pembunuhannya pula sama dengan kes empat minggu yang sudah. Warawan sar semua syarikat akhbar berusaha untuk memperoleh berita. Tihani sendiri terpaksa berkampung dihadapan bilik mayat Hospita Kuala Lumpur.

(h. 18)

Kedua, watak Alexander Aryan bernyawa kepada pembaca dalam novel ini sebagai seorang penulis novel jenayah dan arif terhadap pemikiran jenayah kerana selalu menemu bual penjenayah untuk penghasilan novelnya. Berikut ialah petikan daripada dialog Alexander Aryan yang selalu pergi ke penjara untuk menemu ramah penjenayah yang terkenal untuk diceritakan dalam novelnya berkenaan jenayah sebenar.

"You ever tried to carry a body?"

"No. I don't have any experience carrying dead bodies."

"Well. It's a lot of work. I was exhausted and I had to dig big hole you know how hard it is to dig a hole big enough to bury a body?"

"No. I don't have any experience digging holes to bury dead bodies."

Nafas ditarik dalam-dalam, cuba melemparkan segala perbualan itu jauh-jauh. Lebih-lebih lagi, sebelum ingatannya memeret kepada apa yang lelaki tersebut buat terhadap mayat wanita-wanita yang telah dibunuhnya. Sesuatu yang sangat tidak berperikemanusiaan.

(h. 6)

Ketiga, watak Rafael Lee pula memberi debaran kepada pembaca kerana perwatakannya. Watak Rafael Lee dikategori sebagai antagonis. Rafael Lee ialah pembunuh bersiri juga psikopat yang cuba mengganggu kehidupan Tihani Rose dengan pelbagai cara sama ada dalam bentuk fizikal mahupun mental di peringkat konflik cerita. Hal ini menunjukkan watak antagonis yang dibawa oleh Rafael Lee memberi kerancakan kepada jalannya cerita supaya kelihatan berterusan penulis memberikan kejutan. Watak antagonis juga boleh dianggap sebagai penggerak jalan cerita kerana watak antagonis yang mengundang satu atau pelbagai masalah kepada watak utama dan watak utama perlu menyelesaikan masalah yang ditimbulkan oleh watak antagonis. Dalam novel *Aku Lelakimu* (2017), watak Rafael Lee yang ghairah dengan pemikiran berkenaan pembunuhan. Bagi Rafael Lee, dia mahu merealisasikan fantasinya. Kerana kehadiran Tihani Rose, perasaannya berbuah-buah untuk membunuh sesiapa sahaja termasuklah Tihani Rose merupakan sasaran sepenuhnya kerana perempuan itu sukar untuk ditewaskan. Berikut ialah cara pemikiran Rafael Lee menyasarkan Tihani Rose juga sebagai permulaan konflik kepada novel ini.

Berkali-kali membunuh, dia fikir bahawa dia sudah merasa segala jenis perasaan teruja. Melihat mangsa-mangsanya merayu, meronta dan membeliikkan biji mata sebelum nafas putus, benar-benar mengujakan. Tetapi rupa-rupanya dia silap. Tiada yang lebih agung daripada perasaan membunuh manusia yang cuba melawan. Mangsa-mangsanya sebelum ini cepat sangat menyerah. Huh, membosankan!

Tetapi...

Wanita yang seorang ini memang lain daripada yang lain. Cukup sempurna sebagai sasaran yang jauh lebih menyeronokkan. Lagi kuat melawan, lagi mengujakan. Lagi mengghairahkan.

Dan yang lagi menarik...

"You shall be my masterpiece, Tihani Rose."

Wanita itulah yang menjadi pemula kepada segala-galanya.

(h. 52)

Peringkat kedua ialah gangguan (*disruption*). Dalam peringkat ini watak mula mendapat gangguan dalam hidupnya (M. Keanu Adepatei, & Samanik, 2018). Ini bermaksud permulaan kepada kemuncak cerita dan pembaca dapat menganggarkan perjalanan seterusnya kepada watak-watak yang dimainkan. Terdapat klu babak seterusnya menjadi kesinambungan babak yang bakal berlaku kepada konflik utama cerita. Seperti yang dinyatakan gangguan yang dihadapi oleh watak Tihani Rose mendapat panggilan daripada seseorang yang memerangkap dan mahu membunuhnya. Berlaku pertarungan antara Tihani Rose dengan pembunuh. Namun kemunculan watak Alexander Aryan ketika percubaan pembunuhan Tihani Rose memainkan peranan penting sebagai penyelamat Tihani Rose. Jika watak Alexander Aryan tidak dimasukkan, hal ini akan memberi kebuntuan jalan cerita untuk diteruskan oleh penulis. Oleh itu, peranan Alexander Aryan dalam peringkat ini adalah sang penyelamat kepada Tihani Rose dalam situasi diperangkap oleh sang pembunuh. Watak Rafael Lee juga ditampilkan dalam bab yang sama untuk mengesahkan bahawa dia adalah orang yang memerangkap Tihani Rose dan menyasarkan Tihani Rose sebagai mangsanya.

Elemen *thriller* yang boleh diselitkan pada peringkat kedua ialah babak aksi. Dalam genre *thriller*, babak aksi tidak akan terlepas. Hal ini kerana aksi yang ditonjolkan dalam *thriller* menjadi tumpuan utama kepada mereka memilih genre *thriller*. Membaca atau menonton genre *thriller* berasa lebih penat berbanding genre romantik kerana banyak unsur debaran dan plot yang tidak dijangka. Aksi yang biasa diselit dalam *thriller* ialah babak pertarungan, babak pembunuhan juga babak permainan emosi dan manipulasi fikiran. Berdasarkan MasterClass Staff (2021), dalam genre *thriller*, tidak semestinya perlu meletakkan keganasan sebagai aksi. Aksi juga boleh berkisarkan pada permainan psikologi dan manipulasi. Perkara penting yang perlu diperhatikan ialah memastikan jalan cerita perlu diselitkan dengan aksi semasa penulis mula menulis sehingga tamat. Pada peringkat ini, penulis sudah menekankan babak aksi bagi menandakan konflik telah bermula. Novel *Aku Lelakimu* (2017) ini banyak menyelitkan babak aksi pertarungan antara protagonis dan antagonis. Ini juga menerangkan watak protagonis yang berani dan antagonis yang kejam melalui aksi pertarungan yang dipaparkan. Babak aksi bukan difokuskan kepada peringkat ini sahaja tapi juga pada peringkat yang lain. Namun, aksi peringkat ini untuk menunjukkan elemen *thriller* seperti aksi dan menyakinkan pembaca bahawa novel ini bergenre *thriller*.

Dalam novel ini, babak pertama aksi dimulakan dengan pertarungan antara Tihani Rose dengan seorang lelaki bertopeng putih yang merupakan Rafael Lee. Pertarungan menjadi menarik kerana melibatkan lelaki dan perempuan. Perkara yang difokuskan kepada babak ini ialah Tihani Rose yang berani untuk mempertahankan diri daripada menjadi mangsa. Demi menyelamatkan nyawa daripada menjadi mangsa pembunuh bersiri, dia perlu bertindak.

“Tihani menampelak diri sendiri dan menyepak kaki penyerangnya. Genggaman tangan lelaki itu bolos. Tumbukan Tihani naik lagi. Berkali-kali, tetapi semuanya tidak mengenai sasaran. Lawannya mengelak kiri dan kanan, dengan sangat bersahaja. Satu saat, dia menangkap kedua-dua belah pergelangan tangan Tihani dan merengkuhkannya kuat. Tihani terdorong ke hadapan. Wajah bertemu wajah. Nafas berdesal ganas. Mata dibalik topengnya, bersabung dengan mata bundar Tihani. Samar-samar dalam gelap, tetapi Tihani seperti dapat melihat rasa terhibur dalam mata itu.”

(h. 25-26)

Selain itu, sebuah babak apabila Alexander Aryan mahu menyelamatkan Tihani Rose daripada perangkap lelaki misteri yang menjadikan Tihani Rose sebagai tebusan. Alexander Aryan bertindak memecahkan botol kaca dan mengacu di lehernya sendiri untuk menarik perhatian musuh. Babak aksi tidak tertumpu kepada pertarungan sahaja, tapi tindakan yang mengejutkan daripada Alexander Aryan membuatkan pembaca tidak menjangkakan tindakan tersebut. Dia menggunakan psikologi untuk menundukkan musuhnya. Berikut ialah cara Alexander Aryan bermain psikologi dengan musuh sehingga Tihani Rose juga terkejut dengan tindakan di luar kotak fikiran.

Dia mengambil satu botol kaca yang tersadai di atas lantaidan...

Menghentaknya ke lantai. Kacanya berkecai. Alex mengutip satu serpihan paling besar, sebelum bangkit semula. Renungan bertukar lebih tajam. Lebih dingin. Kemudian, dia melakukan sesuatu yang membuat jantung Tihani yang sedia terkejut, jadi hampir meletup.

“Alex... Apa... Apa you... Cuba buat?”

Suara Tihani bagaikan tenggelam di hujung kerongkong. Mata buntang memerhatikan Alex yang sedang mengacu hujung kaca ke leher sendiri. Dengan cuma kira-kira satu inci!

(h. 292)

Babak seterusnya, babak pertarungan Alexander Aryan bersama Rafael Lee di bahagian klimaks cerita. Alexander Aryan berjaya menumpaskan Rafael Lee. Hal itu dimanfaatkan oleh Alexander Aryan untuk memukul Rafael Lee sepenuh hati. Perasaan amarahnya membuatkan dia bertindak seperti itu. Keganasan yang dilakukan untuk menghukum segala kejahatan Rafael Lee yang telah diperlakukan terhadap Tihani Rose. Mainan emosi yang dialami oleh watak juga dianggap sebagai aksi kerana watak berperang dengan perasaannya sendiri dan tingkah lakunya menunjukkan keadaannya. Berikut ialah emosi yang diluahkan oleh Alexander Aryan untuk memukul Rafael Lee seperti tidak dapat mengawal diri walaupun Tihani cuba menyedarkannya. Maka, babak ini ialah aksi pertarungan melibatkan emosi oleh Alexander.

Darah Alex semakin mendidih. Tubuhnya menggigil dipam kemarahan dan kebencian. Langsung, tangannya bergerak lagi. Deras dan sangat kuat. Sekali, dua kali, tiga kali hingga bertubi-tubi. Darah Rafael bersembur keluar. Hidung dan mulut sudah tidak nampak rupa. Tubuhnya semakin lembik, tetapi Alex tidak berhenti.

Tangannya tetap menumbuk dan menumbuk dan menumbuk. Dengan setiap tumbukan itu segala kejadian yang berlaku melintas dalam ingatan. Semuanya berkaitan dengan Tihani Rose.

Tihani yang menangis dan merayu-rayu dalam TV. Tihani yang gesejuk dalam salji. Tihani yang menyalahkan diri sendiri. Tihani yang menangis tersedu-sedu. Tihani yang hilang kawalan. Tihani yang banyak menderita.

Semuanya kerana jantan tak guna ini!!!

(h.. 715)

Peringkat ketiga ialah pengiktirafan gangguan (*recognition of disruption*). Dalam peringkat ini watak menyedari konflik yang dihadapi kerana gangguan mengakibatkan kesan buruk kepada kehidupan watak utama (M. Keanu Adepati & Samanik, 2018). Peringkat ini merupakan peringkat kegemaran kepada para pembaca kerana kemunculan konflik utama dalam jalan cerita. Hal ini dapat menarik perhatian pembaca untuk terus membaca dan mendalami konflik tersebut. Selain itu, cabaran terbesar bagi seorang penulis novel dalam pembikinan konflik terutama novel *thriller* perlu realistik dan logik. Selain itu, dalam Jadual 1 peringkat ketiga ini ialah permulaan konflik yang dialami oleh watak Tihani Rose. Akibat kiriman hadiah misteri yang berupa bebola mata daripada mayat perempuan, iaitu mangsa keempat pembunuh, kehidupannya mula berada dalam kekacauan. Rafael Lee sengaja mengiriskan bebola mata manusia yang telah dibunuh olehnya untuk memanipulasi perasaan Tihani Rose kerana Tihani Rose adalah punca dia membunuh budak perempuan itu tanpa sebab. Selain itu, Rafael Lee membuat gurauan (*prank*) kepada Tihani dengan menyuruhnya menyelamatkan mangsa. Seterusnya dalam masa yang sama, dia memasuki rumah Tihani Rose untuk membunuh kucing kesayangan Tihani Rose. Kemudian, dia mengaku bahawa dialah yang membunuh kakak Tihani, Eireen Rose 12 tahun lepas kerana disangkakan orang itu adalah Tihani Rose. Oleh itu, dia mahu melunaskan misinya untuk membunuh Tihani Rose. Situasi tersebut membuktikan konflik utama yang dihadapi oleh Tihani Rose dalam hidupnya. Kemunculan watak Alexander Aryan dalam peringkat ini untuk memberi semangat kepada Tihani Rose dan berusaha mengetahui orang yang cuba perempuan itu.

Elemen *thriller* yang disertakan dalam bahagian konflik ialah ancaman jelas yang dialami. Penyampaian teks berkenaan ancaman yang jelas akan memberi kesan kejayaan dalam genre *thriller*. Bentuk ancaman boleh ditentukan berdasarkan subgenre *thriller* seperti jenayah *thriller*, politikal *thriller*, psikologikal *thriller* dan sebagainya (Masterclass Staff, 2021). Penulis perlu bijak menentukan ancaman dan halangan yang bakal dihadapi oleh watak utama. Menurut Bonnet (t.t), ancaman bukan sekadar akibat kepada masalah untuk memulakan cerita tetapi penciptaan komponen untuk membentuk sebuah cerita. Sebuah cerita tanpa ancaman atau konflik bukan dianggap cerita. Oleh sebab itu, dalam sebuah cerita perlu mengilhamkan idea yang hebat dan *logline* yang efektif supaya mudah untuk difahami oleh pembaca. Penulis menyampaikan babak ini untuk memberitahu pembaca bahawa Tihani Rose mendapat ancaman daripada seseorang yang cuba membunuhnya. Hal ini dibuktikan oleh siasatan pihak polis ke atas beberapa mangsa yang dibunuh sebelum ini. Oleh sebab itu, sasaran mangsa oleh pembunuh bersiri ialah Tihani Rose. Ini menunjukkan penulis menjelaskan ancaman utama dalam novel *Aku Lelakimu* (2017).

“Aku fikir Tihani Rose akan menjadi sasaran seterusnya. Sebab dia tidak berjaya dibunuh pada malam pembunuhan Nadi Zulkifli. Tapi bila diteliti balik, semuanya bermula sebelum pembunuhan itu lagi. Panggilan telefon, serangan kedua padahal malam itu suspek sudah pun mendapat mangsa dan terakhir, pembunuhan pagi tadi. Ini semua menunjukkan bahawa Tihani Rose ialah pemboleh ubah dalam kes ini. Dia ialah satu-satunya kelainan dalam siri pembunuhan ini. Dia menentukan hala tuju kes ini.”

(h. 64-265)

Selain itu, elemen *thriller* yang juga terselit pada bahagian ini ialah *plot twist*. Setiap novel digalakkan untuk menyelitkan momen *plot twist* bagi menarik pembaca supaya tidak bosan. *Plot twist* ialah sesuatu jalan cerita yang diubah hala tuju dan menyebabkan pembaca tidak menjangka hasilnya berdasarkan apa yang mereka fikirkan. Keadaan itu memberi pengaruh pembaca supaya terus membelek helaian demi helaian untuk mengetahui keseluruhan cerita. Berdasarkan MasterClass Staff (2021), kebanyakan genre *thriller* perlu mempunyai jalan cerita yang penuh dengan *plot twist*. Penulis boleh menukarkan jangkauan pembaca dan memasukkan jalan cerita yang sukar diramal oleh pembaca pada sisi watak utama. Semakin banyak elemen *plot twist* yang berlaku, semakin hebat penceritaan tersebut. Oleh itu, penulis perlu memerah idea untuk menentukan jalan cerita yang dihasilkan untuk menarik pembaca melalui *plot twist*.

Dalam meneliti novel *Aku Lelakimu* (2017), babak yang mengundang situasi *plot twist* ialah apabila Alexander dan Tihani disuruh oleh pembunuh bersiri untuk menyelamatkan seorang budak perempuan 17 tahun dalam masa 12 jam berdasarkan klu tempat penculikan yang diberikan. Pelbagai cara dilakukan oleh mereka untuk mengenal pasti tempat tersebut melalui pihak polis. Apabila Alexander dan Tihani sampai di tempat yang tersebut tiada apa-apa yang berlaku dan situasi itu hanya gurauan (*prank*) pembunuh. Namun, apabila Tihani Rose pulang ke rumah, dilihatnya kucing kesayangan telah mati dibunuh.

“White Killer dah tak sabar nak jumpa Tihani Rose. Dan dia culik budak tu sebab nakkan lebih perhatian daripada Tihani. *That's where I was wrong*. I betul-betul fikir dia culik seorang lagi mangsa. I patut lebih tahu. *He is not as simple as that*. Dia gunakan orang lain, dia buat kita jadi macam orang gila cari benda tak wujud, itu cuma sebagai satu gangguan. *To distract us*. Permainan sebenarnya ada dalam rumah Tihani sendiri.”

“Dia sengaja buat aku dan Tihani keluar rumah. *So that, dia boleh masuk dan bunuh Koko dan Momo*. Itu matlamat dia. Bila Tihani balik, dia dah siap sedia untuk tengok segala-galanya. Macam masuk pawagam, tunggu filem bermula.”

(h. 463)

Peringkat keempat ialah percubaan baiki gangguan (*attempt to repair the disruption*). Dalam peringkat ini watak mencuba untuk menyelesaikan masalah utama yang berlaku dalam cerita (M. Keanu Adepati & Samanik, 2018). Peringkat ini penulis akan mencari jalan untuk menyelesaikan konflik yang berlaku dengan logik dan mendapat kepuasan kepada pembaca. Ini juga cabaran sukar kepada penulis untuk memerah idea bagi menghasilkan yang terbaik untuk disajikan kepada pembaca. Penulis Sara Aisha memilih kemunculan babak-babak mendebarkan seperti Jadual 1 untuk peringkat ini. Penculikan Tihani Rose

telah membuka segala rahsia perihal Rafael Lee. Ini menunjukkan penulis menjelaskan perihal Rafael Lee sebagai watak antagonis dan punca kepada kejahatannya selama ini. Ini bermaksud, watak antagonis tidak akan melakukan kejahatan tanpa sebab melainkan ada sesuatu mahu dicapai berpunca kepada dirinya sendiri. Dalam watak Rafael Lee, dia menjadi pembunuh kerana tekanan kehidupan yang diberikan oleh ibu angkatnya sehingga dia tidak dapat membendung dirinya dan mahu merealisasikan fantasinya dengan cara membunuh orang. Dia menyasarkan Tihani Rose sebagai mangsanya yang dianggap Tihani Rose permainan yang menarik kerana Tihani Rose sukar untuk ditumpaskan berbeza dengan mangsa-mangsanya sebelum ini. Oleh sebab itu, dia menculik Tihani Rose untuk bertarung nyawa bersama dan hanya salah seorang sahaja yang hidup. Namun begitu, kemunculan watak Alexander Aryan berperanan penting untuk menyelamatkan Tihani Rose sekali lagi daripada cengkaman Rafael Lee. Setiap watak dalam peringkat ini saling berkaitan untuk merancang cerita tambahan di peringkat klimaks.

Elemen *thriller* pada peringkat ini ialah lokasi yang diingati. Lokasi ialah latar tempat dalam sesebuah cerita. Latar tempat ditulis oleh penulis sebagai tempat berlakunya sesebuah kejadian. Oleh itu, elemen *thriller* seterusnya ialah lokasi yang diingati kerana dalam novel *thriller*, lokasi satu elemen penting kerana pembaca mahu mengetahui beberapa tempat yang diingati. Tempat tersebut bukan tempat biasa-biasa tapi mempunyai gambaran yang luar biasa oleh penulis serta tempat itu mampu menghidupkan bayangan pembaca ketika membaca. Berdasarkan MasterClass Staff (2021), penulisan genre *thriller* menarik apabila pembaca dapat meneroka dalam pelbagai aspek terutama dalam latar tempat. Lokasi yang jelas dan terperinci ialah perkara penting dalam menulis novel *thriller*. Apabila penulis menjelaskan latar tempat, tempat itu boleh membuatkan pembaca hidup di tempat tersebut seperti pembaca menggambarkan persekitaran fizikal tempat tersebut.

Dalam novel *Aku Lelakimu* (2017), lokasi yang diingati ialah apabila Tihani diculik dan ditempatkan di ruang yang mengerikan bersama haiwan-haiwan yang diawet dan tiada bebola mata. Keadaan Tihani ketika memerhatikan sekeliling tempat tersebut dengan perasaan terkejut. Penerangan pada babak itu memberi kesan kepada bayangan pembaca jika pembaca berada di tempat Tihani Rose.

Dikelilingnya... Di bahagian atas dinding, penuh dengan kepala-kepala binatang yang sudah diawet dan digantung ke dinding. Ada pelbagai jenis burung, rusa, lembu, musang dan bermacam-macam lagi. Setiap satunya kelihatan seolah-olah masih hidup. Meremang dia dengan mata yang...

Bukan mata!

Kesemua soket mata haiwan ini tidak mempunyai bebola mata. Sebaliknya, digantikan dengan dua biji butang berwarna gelap. Elok terjahit dan sipi-sipi bersinar bawah lampu.

(h. 658)

Selain itu, sebuah tempat pembunuhan Maria Fernandez iaitu mangsa pembunuhan keempat sebagai tempat yang diingati. Tihani datang ke tempat itu pada waktu malam hanya kerana mahu melihat tempat kejadian tersebut. Tempat itu dijadikan tempat diingati dalam novel *Aku Lelakimu* (2017) kerana pembaca berimajinasi untuk menjelajah tempat tersebut. Andaian penulis supaya pembaca gementar apabila Tihani Rose membuat

keputusan untuk datang ke tempat pembunuhan pada waktu malam. Berikut ialah cara penulis menghuraikan kepada pembaca agar dapat membayangkan situasi tersebut.

Hampir lima belas minit berjalan, Tihani tiba di tempat yang dituju. Kosong daripada batang tubuh manusia lain. Yang ada cuma kegelapan yang membuak-buak. Bau yang tidak menyenangkan menusuk hidung, menandakan kawasan ini kotor. Sesekali bunyi ngiauan kucing, sayup-sayup kedengaran.

Tihani membawa langkah lebih ke hadapan. Lampu suluh ditala ke sekeliling. Pita kuning dengan tulisan 'Dilarang Melintas' tergantung elok dan mengelilingi kawasan. Agak besar kawasan jenayah yang sudah ditanda. Di tengah-tengahnya pula kelihatan satu tanda yang dengan bentuk tubuh manusia. Serta-merta, dada Tihani terasa sesak. Di sinilah Maria Fernandez dibunuh. Di sinilah matanya dikorek keluar.

(h. 279)

Peringkat terakhir ialah keseimbangan baru (*new equilibrium*). Dalam peringkat ini watak telah menyelesaikan semua masalah yang berlaku dalam cerita dan peringkat ini juga watak dapat mengembalikan kehidupan biasanya malahan lebih menarik (M. Keanu Adepati & Samanik, 2018). Ini bermaksud, penamat kepada penceritaan. Peringkat ini bergantung kepada tanggungjawab penulis untuk mengakhiri jalan cerita mereka sama ada pengakhiran yang bahagia atau sedih. Pada Jadual 1, babak pelepasan dengan penulis mengakhiri riwayat hidup watak antagonis yang sememangnya menjadi pilihan pembaca kerana puncakesengsaraan daripada watak utama serta pendedahan kelicikan watak antagonis demi menjayakan misinya. Selain itu, watak utama juga menjadi tumpuan utama kepada pembaca dan berharap watak utama mendapat pengakhiran yang indah tambahan pula cerita yang menyelitkan unsur romantik. Begitu juga watak Tihani Rose dan Alexander berkahwin selepas konflik mereka dengan Rafael Lee berakhir.

KESIMPULAN

Thriller adalah salah satu genre yang semakin dikenali oleh pembaca novel. Genre *thriller* bukan lagi baru dalam penghasilan filem atau drama televisyen, begitu juga dalam penulisan novel. Walaupun masih kurang penulis memilih genre tersebut. *Thriller* mempunyai elemen tersendiri untuk mewujudkan unsur *thriller* kepada pembaca. Penulis perlu menyampaikan unsur *thriller* dengan menggunakan bait perkataan yang menampakkan kejutan, debaran dan saspens kepada pembaca. Oleh itu, elemen *thriller* perlu diselitkan dalam penulisan seperti ancaman dengan jelas, penglibatan watak dinamik, kewujudan lokasi atau latar yang memberi ingatan kepada pembaca, aksi yang mendebarkan dan jalan cerita mempunyai *plot twist*. Penulisan *thriller* mempunyai kebebasan untuk menentukan jalan cerita tapi masalah yang boleh wujud apabila terdapat perkara yang dimasukkan secara rawak tanda sebab kukuh. Hal ini mengganggu jalan cerita dan babak yang diceritakan. Berdasarkan analisis terhadap elemen *thriller* dalam novel *Aku Lelakimu* (2017) karya Sara Aisha, kajian ini telah memenuhi objektif kajian, iaitu analisis elemen *thriller* dan membincangkan elemen *thriller* dalam jalan cerita novel *Aku Lelakimu* (2017). Oleh itu, dalam kajian ini elemen *thriller* seperti yang telah disenaraikan akan digunakan untuk membuktikan babak yang mempunyai elemen *thriller* untuk menjelaskan bahawa novel tersebut mempunyai unsur *thriller*. Selain itu, teori naratif Todorov digunakan untuk menganalisis jalan cerita novel ini kerana unsur *thriller*

mempunyai babak secara rawak dan pembaca perlu menyusun sendiri mengikut kefahaman sendiri. Di samping itu, setiap peringkat naratif akan diselitkan elemen *thriller* supaya kajian ini mudah difahami dan melengkapkan penguasaan dalam kajian teks penulisan *thriller*.

RUJUKAN

- Azyyati Ahmad. (2014). Karya Ramlee Awang Murshid digarap ke pelbagai media. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-hiburan/karya-ramlee-awang-murshid-digarap-ke-pelbagai-media-50487>
- Bonnet, J. (t.t). How to create a great threat. *Storymaking*. <https://storymaking.com/how-to-create-a-great-threat/>
- Fatimah Muhd Shukri., & Nur Afifah Vanitha Abdullah. (2016). Ruang, masa dan sebabakibat dalam naratif filem animasi *Geng Pengembaraan Bermula*. *Jurnal Melayu* 15 (2), 237-249. <http://journalarticle.ukm.my/9970/1/16182-45367-1-SM.pdf>
- Hani Salwah Yaakup. (2018). Tombiruo: Adaptasi novel ke filem dan representasi kepercayaan setempat. *Malaysian Journal of Communication* 34(2), 323-337. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2018-3402-20>
- M. Keanu Adepati., & Samanik. (2018). Narrative structure of the minds of Billy Milligan novel and split film. *English Language and Literature International Conference (ELLiC) Proceedings* 2, 440-444. <https://jurnal.unimus.ac.id/index.php/ELLIC/article/download/3569/3395>
- MasterClass Staff. (2021, 3 September). *Mystery, thriller, and crime novel: What's the difference?* MasterClass. <https://masterclass.com/articles/mystery-thriller-and-crime-novels-whats-the-difference>
- MasterClass Staff. (2021, 9 September). *6 elements of a thriller novel: How to write a bestselling thriller*. MasterClass. <https://www.masterclass.com/articles/how-to-write-a-bestselling-thriller-novel>
- MasterClass Staff. (2021, 29 September). *Dynamic characters vs static characters: Definition, example, and differences in character types*. MasterClass. <https://www.masterclass.com/articles/dynamic-characters-vs-static-characters>
- Muhammad Naufal Farezqi. (2018). *Book review of James Patterson's max: A maximum ride novel* [Projek akhir yang tidak diterbitkan]. Diponegoro University.
- Muhd Nazri Latiff Azmi. (2014). East meets west: The reader response theory in thriller fictions. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 174. 58 – 63. <https://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S1877042815006771>
- Nazirah Ismail., Muhammad Alif Redzuan Abdullah., Normaliza Abdul Rahim., & Kamariah Kamarudin. (2020). Elemen latar dalam novel thriller Legasi Tombiruo. *Infrastructure University Kuala Lumpur Research Journal* 8. 67-79. <https://iukl.edu.my/rmc/wp-content/uploads/sites/4/2021/06/6.-Nazirah.pdf>
- Rosli Abd Manas, A. Halim Ali, & Ghazali Din. (2021). Elemen Thriller Islam dalam Novel 'Bidadari Bermata Bening' karya Habiburrahman El-Shirazy. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 9 (1): 1-19. <https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/135>
- Rosli Abd Manas, Abdul Halim Ali, Ghazali Din, & Miftachul Huda. (2021). Features of Islamic thriller in the novel of Ayat-Ayat Cinta (Love Verses). *Turkish Online Journal of Qualitative Inquiry (TOJQI)* 12(5), 200-226. https://www.researchgate.net/publication/356190396_Features_Of_Islamic_Thriller_In_The_Novel_Of_Ayat-Ayat_Cinta_Love_Verses

Sara Aisha. (2017). *Aku Lelakimu*. Karya Seni.

The Media Insider. (9 Jun 2019). Todorov's narrative theory explained! Media StudiesTheory [Video]. YouTube. <https://youtu.be/f7AfnJd55PI>

Yoseph Yapi Taum. (2018). The problem of equilibrium in the panji story: A Tzvetan Todorov's narratology perspective. *International Journal of Humanity Studies* 2(1),90-100. <https://e-journal.usd.ac.id/index.php/IJHS/article/download/1583/1245>